

→ **BISNES**

Sime Darby perlu lebih fokus perniagaan teras



Rita Benoy Bushon

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pemantau Pemegang Saham Minoriti (MSWG), Rita Benoy Bushon

Desas-desus mengenai pengasingan Sime Darby Bhd bukanlah satu perkara baharu, ia sudah diperkatakan di dalam pasaran seawal 2014.

Apabila langkah penggabungan yang membabitkan sembilan syarikat tersenarai bernilai RM27 bilion pertama kali diumumkan pada 2007, pasaran menggambar-kannya sebagai langkah positif, termasuk penganalisis yang mana terciptanya satu konglomerat besar di peringkat global yang mewakili Malaysia.

Mereka menambah bahawa dengan memperkemas operasi syarikat yang disasarkan, ia akan menghasilkan 'sinergi kos dan pendapatan' yang menjurus kepa-

da "penambahbaikan perolehan" bernilai dalam lingkungan ratusan juta ringgit.

Banyak cabang perniagaan

Bagaimanapun, selepas isu Sime Engineering Bhd pada tahun 2008, kami berpendapat Sime Darby mempunyai terlalu banyak cabang perniagaan dan perlu lebih fokus.

Justeru, kami di MSWG mengalu-alukan berita itu berdasarkan alasan berikut:

→ Perlu fokus kepada perniagaan teras dalam entiti berasingan seperti perladangan, permotoran dan hartanah supaya nilai setiap sektor dapat diserlahkan, sekaligus mengurangkan diskaun konglomerat;

→ Kawalan dalaman dan pengurusan risiko akan lebih fokus;

→ Tidak "terlalu besar untuk gagal".

Khabar angin lain dalam pasaran berkisar mengenai kemungkinan Ananda Krishnan men-swastakan Astro Malaysia Holdings Bhd. Jika benar, ia bukanlah kali pertama kerana perkara yang sama sudah berlaku dalam syarikat beliau sebelum ini, seperti Bumi Armada Bhd dan

Maxis Communications Bhd.

Buat masa ini, pelaksanaan penyenaian serta nyahsenarai berada dalam lingkungan undang-undang dan tiada apa yang dapat menghalang pemegang saham utama daripada melaksanakan hak mereka untuk menarik balik penyenaian awam syarikat.

Secara umumnya amalan perniagaan ini tidak dilihat sebagai positif kerana penganjur dan pembuat tawaran boleh mengetahui serta mengambil kesempatan ke atas maklumat sensitif pasaran tertentu memandangkan mereka biasanya mempunyai maklumat yang lebih berhubung nilai intrinsik sebenar syarikat.

Bagaimanapun, tawaran boleh diterima sekiranya pemilik utama menawarkan harga yang wajar kepada pemegang saham minoriti untuk menswastakan syarikat terbabit.

Terpulang sepenuhnya kepada peserta pasaran untuk menentukan sama ada mereka akan terus kekal bersama pemilik utama dalam syarikat yang diswastakan, terutama jika ada penyenaian semula pada masa akan datang.



Sime Darby ambil langkah penggabungan sembilan syarikat.